

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI KHAMIS : 2 NOVEMBER 2023

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 9 HINGGA NO. 50)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 02 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat meminda Perlembagaan bagi mewajibkan terus setiap rakyat Malaysia yang sudah cukup umur 18 tahun untuk keluar mengundi.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menerusi penetapan tarikh permulaan kuat kuasa Akta Perlembagaan (Pindaan) 2019 [*Akta A1603*], peruntukan berkaitan pendaftaran pemilih secara automatik atau '*Automatic Voter Registration*' serta penurunan had umur pengundi kepada 18 tahun bermula pada 15 Disember 2021 melalui warta P.U.(B) 615, peluang telah diberikan kepada semua warganegara Malaysia yang memenuhi syarat kelayakan sebagai seorang pemilih untuk mengambil bahagian dalam sesuatu pilihan raya mahupun di peringkat Persekutuan ataupun Negeri.

2. Kerajaan sentiasa mendokong prinsip keluhuran Perlembagaan dan salah satunya adalah termasuk hak seseorang warganegara yang berkelayakan untuk mengundi dalam sesuatu pilihan raya. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, hak kebebasan telah diuntukkan kepada setiap warganegara Malaysia di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk menunaikan tanggungjawab mereka sebagai pemilih dalam pilihan raya. Berlandaskan kepada prinsip tersebut, Kerajaan buat pada masa ini tidak bercadang untuk mewajibkan setiap warganegara Malaysia untuk mengundi. Namun pendekatan secara pendidikan dan kesedaran sivik adalah ditekankan bagi memupuk warganegara Malaysia untuk menunaikan tanggungjawab mereka untuk keluar mengundi apabila dikehendaki berbuat sedemikian demi kepentingan dan kestabilan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT (JERAI)

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan langkah mengatasi kesan negatif daripada teknologi kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) contohnya penipuan maklumat, berita palsu dan *deepfake*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara 2021-2025 telah menggariskan Tujuh Prinsip Kecerdasan Buatan (AI) yang bertanggungjawab. Ketujuh-tujuh prinsip ini adalah satu senarai panduan bagi membimbing pembangunan AI yang dipercayai (*trusted*) dan juga melindungi pengguna daripada kesan-kesan negatif daripada penggunaan teknologi AI.
2. Sehubungan dengan itu, MOSTI dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia berserta wakil-wakil daripada agensi Kerajaan dan institusi pengajian tinggi sedang membangunkan kod etika dan tadbir urus AI berasaskan daripada Tujuh Prinsip AI yang bertanggungjawab. Kod etika dan tadbir urus ini akan menjadi asas kepada pengawal seliaan AI dalam negara dan dijangka siap pada tahun 2024.
3. Kod etika dan tadbir urus ini merangkumi kerangka governan dan kawal selia teknologi AI. MOSTI sedang meneliti keperluan kerangka governan dan kawal selia ini bagi mengatasi masalah berkaitan etika penggunaan teknologi tersebut
4. Selain itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital juga komited untuk membendung penyebaran berita palsu dengan mengambil langkah-langkah seperti pemantauan terhadap sebarang tindakan atau kandungan yang bercanggah dengan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], penurunan kandungan, siasatan serta tindakan penguatkuasaan.
5. Sebarang kandungan yang dijana daripada teknologi AI atau *deepfake*, yang berunsur palsu, lucah, jelik, sumbang, dan mengancam masih tertakluk di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]. Ianya boleh diambil tindakan mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] dan undang-undang lain yang berkenaan.

SOALAN NO : 10

6. Selain daripada pengawal seliaan melalui perundangan, Jabatan Standard Malaysia (JSM) telah menubuhkan Jawatankuasa Cermin Kebangsaan (*National Mirror Committee*) bagi menghasilkan standard / piawaian AI kebangsaan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh MIMOS dan keahliannya terdiri daripada wakil-wakil Kementerian, agensi, akademik dan juga industri.

7. Penggunaan standard dan perundangan adalah saling melengkapi di antara satu sama lain. Kebergantungan kepada aspek perundangan semata-mata di dalam pengawalan dan pemantauan teknologi AI akan merencatkan inovasi teknologi ini. Sebaliknya, pengawal seliaan melalui akta dan perundangan hanya perlu sekiranya penggunaan standard kurang berkesan dalam tujuan pengawalan dan pemantauan.

Sekian dan terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah perkhidmatan menggunakan satelit Starlink akan digunakan di kawasan Parlimen Tanjong Manis untuk memperluaskan capaian internet kepada penduduk luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada usaha menambah baik liputan jalur lebar dengan pembinaan menara baharu, penaiktarafan pemancar sedia ada, pemasangan gentian optik ke premis-premis serta penyediaan *Broadband Wireless Access* (BWA) melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sedang merangka solusi yang bersesuaian menggunakan pelbagai teknologi bagi penyediaan perkhidmatan internet bagi baki sebanyak 3% di kawasan berpenduduk yang masih belum mendapat liputan internet.

Penyediaan infrastruktur komunikasi di lokasi-lokasi tersebut adalah mencabar daripada segi keadaan muka bumi yang berbukit bukau, taburan penduduk yang berselerak dengan kepadatan yang rendah selain daripada tiadanya infrastruktur asas yang lain seperti jalan yang berturap dan punca bekalan elektrik yang stabil.

Sebanyak 523 lokasi telah disediakan dengan perkhidmatan BWA di pedalaman negeri Sarawak termasuklah empat lokasi di Parlimen Tanjung Manis iaitu di Kampung Penuai, Kampung Telok Gelam, Rumah Johnnie Sare dan Rumah Baki, Sebayang. Pengoperasian Starlink di Malaysia pula dilihat dapat menyediakan perkhidmatan alternatif kepada kaedah penyelesaian untuk kawasan yang sukar.

Terdapat dua lokasi yang telah dipasang dengan peranti Starlink secara *Proof of Concept* (POC) di negeri Sarawak iaitu di Kampung Puak yang terletak di Bau, Kuching pada 6 September 2023 dan Rumah Menyimbang yang terletak di Julau pada 14 September 2023. Pemasangan peranti satelit Starlink secara POC adalah bertujuan untuk menilai kebolehlaksanaan (*feasibility*) penyediaan perkhidmatan jalur lebar Starlink sebagai langkah interim bagi menyelesaikan isu-isu ketersambungan yang dihadapi di kawasan-kawasan yang menghadapi masalah liputan termasuk sekolah, universiti dan kawasan terpencil.

SOALAN NO : 11

Perkhidmatan internet satelit Starlink merupakan perkhidmatan yang boleh dilanggan secara terus dengan Starlink oleh seluruh rakyat. Secara amnya, perkhidmatan tersebut sudah boleh dinikmati oleh semua termasuklah penduduk di Parlimen Tanjung Manis. Orang ramai boleh merujuk secara terus ke laman sesawang rasmi Starlink untuk mendapatkan maklumat perkhidmatan tersebut dan pakej yang ditawarkan.

Selain itu, dimaklumkan juga bahawa Starlink bukanlah satu-satunya pemberi perkhidmatan internet melalui satelit di Malaysia. Terdapat pelbagai lagi pemberi perkhidmatan internet melalui satelit seperti Measat, Numix dan Reach10.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan penjelasan daripada Kementerian Pertahanan mengenai situasi di Pangkalan Udara (PU) Sendayan yang masih tidak mempunyai kemudahan landasan kapal terbang. Apakah ada perancangan masa hadapan untuk Kementerian membina landasan kapal terbang di PU Sendayan sebagaimana kemudahan landasan kapal terbang yang pernah wujud di Pangkalan Udara Sungai Besi suatu ketika dahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Kementerian Pertahanan belum mempunyai perancangan untuk mewujudkan kemudahan landasan kapal terbang di Pangkalan Udara Sendayan (PU Sendayan) berdasarkan kepada keperluan operasi semasa. Ini disebabkan fungsi PU Sendayan bukanlah pangkalan operasi yang menempatkan skuadron penerbangan.

2. Sebagai makluman, PU Sendayan merupakan pusat latihan terbesar dan utama bagi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang merangkumi pusat latihan seperti berikut:

- i. Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan Udara (MPPLU);
- ii. Instituti Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP);
- iii. Institut Pengajian Pentadbiran dan Pengurusan (INSTAR);
- iv. Institut Kepakaran Kejuruteraan (IKK);
- v. Pasukan Simpanan Tentera Udara (PSTU); dan
- vi. Kompleks Sukan TUDM.

3. Selain itu, pangkalan ini turut menempatkan elemen pentadbiran dan sokongan yang lain seperti Pusat Islam, Kompleks Mahkamah Tentera TUDM, Kedai PERNAMA dan kemudahan-kemudahan lain untuk kesejahteraan warga PU Sendayan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan projek pembinaan jambatan di Lubok Subong, Nanga Kesit di Lubok Antu yang telah diluluskan di bawah Projek Khas Timbalan Perdana Menteri pada tahun 2019 tetapi memerlukan peruntukan tambahan berikutan perubahan tapak ke lokasi yang lebih strategik.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, projek Kerja-Kerja Membina Jambatan di Lubok Sulong, Nanga Kesit, Lubok Antu, Bahagian Sri Aman telah diluluskan pada tahun 2019 dengan kos sebanyak RM3 juta bagi tujuan pembinaan jambatan baharu di lokasi jambatan asal yang telah roboh akibat bencana banjir dan hakisan tanah. Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak selaku agensi pelaksana yang dilantik bagi projek tersebut telah membuat perancangan pelaksanaan projek berdasarkan siling peruntukan yang telah diluluskan.
2. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat selaku Ahli Parlimen Lubok Antu telah mencadangkan supaya tapak projek dipindah ke satu lokasi yang berlainan. Susulan cadangan pemindahan tapak projek ini, JKR Sarawak telah menganggarkan kos pelaksanaan projek meningkat kepada RM6 juta, iaitu penambahan kos sebanyak RM3 juta.
3. Kerajaan sedang meneliti cadangan pemindahan tapak projek yang telah dikemukakan tersebut kerana ia melibatkan implikasi peruntukan tambahan. Sekiranya peruntukan tambahan ini tidak dapat dipertimbangkan, pembinaan jambatan tersebut dicadang dilaksanakan di lokasi asal menggunakan peruntukan yang telah diluluskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM
[ARAU]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan dan tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi memastikan kejayaan Malaysia dalam sukan SEA yang akan datang setelah dakwaan Menteri yang mengaitkan pertukaran menteri sepanjang empat tahun telah menyebabkan dasar-dasar sukan negara menjadi tidak menentu dan menjadi antara penyebab kegagalan Kontinjen Malaysia mencapai sasaran 40 pingat emas pada sukan SEA 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara telah menyusun pelbagai inisiatif menerusi kerjasama erat bersama-sama semua pihak berkepentingan dalam lapangan sukan negara seperti Majlis Olimpik Malaysia, Majlis Paralimpik Malaysia, Persatuan Sukan Kebangsaan, Institut Sukan Negara, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi bagi memastikan persiapan dan prestasi atlet di pelbagai temasya sukan antarabangsa berada pada tahap tertinggi.

SOALAN NO : 14

Bagi memastikan Malaysia dapat memberikan saingan lebih hebat di temasya Sukan SEA di Thailand pada tahun 2025 dan temasya sukan lain termasuk Sukan Asia dan Sukan Olimpik, satu pelan perancangan bersifat jangka pendek dan jangka panjang akan dibincangkan secara terperinci dalam Bengkel Perancangan Program Latihan Atlet yang akan diadakan pada 9 November ini.

Di samping itu, pihak Majlis Sukan Negara telah mengadakan sesi *post mortem* berhubung prestasi kontinjen negara di Sukan SEA Kemboja 2023. Sesi ini telah diadakan pada 6 dan 7 Julai 2023 dengan kehadiran wakil daripada Persatuan Sukan Kebangsaan, Institut Sukan Negara, Majlis Olimpik Malaysia, Chef de Mission, barisan jurulatih dan wakil daripada Nippon Science University (NSSU). Secara dasarnya post mortem ini telah memberikan pelbagai input positif kepada pihak Kementerian untuk melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan terhadap program persediaan atlet negara ke pelbagai temasya antarabangsa.

Lanjutan daripada sesi *post mortem* ini, pihak Majlis Sukan Negara bersama-sama Persatuan Sukan Kebangsaan, Majlis Olimpik Malaysia dan Institut Sukan Negara sedang merangka petunjuk prestasi utama (KPI) bagi penyertaan kontinjen negara di Sukan SEA 2025. KPI ini dijangka akan dimuktamadkan menjelang penghujung tahun ini. Pemantauan terhadap KPI ini nanti akan dilaksanakan secara berkala dalam tempoh empat bulan sekali.

Selain itu, bagi memastikan aspek pembangunan atlet terus diperkasa, Kementerian ini melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 30 Mei 2023 telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi yang bertindak sebagai penyelaras melibatkan perancangan sukan di peringkat Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Jawatankuasa ini dalam Mesyuarat pertamanya pada 8 Jun 2023 antara lain telah memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

SOALAN NO : 14

- a) Mengklasifikasikan sukan tempur/sukan bela diri sebagai aktiviti sukan di sekolah;
- b) penumpuan kepada sukan olahraga dan renang dengan menggalakkan lebih banyak kelab renang dan kelab olahraga di sekolah berpotensi;
- c) menggiatkan pertandingan kompetitif tahunan peringkat sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) merentasi pelbagai sektor pendidikan termasuk sekolah swasta, tahfiz dan lain-lain melalui Majlis Sukan Sekolah Daerah (MSSD) dan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM); dan
- d) peranan Institut Sukan Negara dalam memperluas program pendidikan dan pelesenan kejurulatihan kepada guru dan jurulatih di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan:-

- (a) Statistik jumlah program Jualan Rahmah yang telah dijalankan oleh KPDN setakat September 2023 dalam usaha meringankan beban rakyat mengikut pecahan kawasan Parlimen dan penerima manfaat; dan
- (b) Perancangan Kementerian untuk memperluaskan lagi program Jualan Rahmah pada masa hadapan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Jualan RAHMAH (PJR) merupakan program yang dilaksanakan bagi membantu meringankan kos sara hidup rakyat dengan menawarkan barangan keperluan harian sama ada makanan atau bukan makanan pada harga 10% hingga 30% lebih rendah berbanding harga pasaran semasa setempat kepada golongan sasaran iaitu golongan miskin tegar, berpendapatan rendah dan sederhana. PJR ini telah dilaksanakan sejak Januari 2023 lagi.

Sehingga setakat September 2023, PJR telah dilaksanakan di 2,306 lokasi di seluruh negara meliputi sejumlah 222 kawasan Parlimen yang mana telah merekodkan kehadiran seramai 3.56 juta pengunjung. Setiap kali PJR dilaksanakan, sambutan yang diterima amat menggalakkan. Dengan kekerapan 2 kali sebulan di setiap kawasan Parlimen, PJR sentiasa dinanti-nantikan oleh orang ramai.

Dikesempatan ini, saya mewakili Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri yang telah bersetuju memberikan peruntukan tambahan bagi tujuan pelaksanaan Program Jualan RAHMAH iaitu sebanyak RM50 juta bagi memastikan segenap lapisan masyarakat B40 dan miskin tegar di seluruh negara dapat merasai dan dibantu melalui inisiatif ini. Keprihatinan YAB Perdana Menteri ini dengan memberikan peruntukan tambahan, sudah pastinya akan lebih ramai lagi rakyat yang dapat dibantu menerusi Jualan RAHMAH seperti ini.

Jualan RAHMAH telah dan akan diperluaskan ke peringkat pelaksanaan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh negara. Jualan RAHMAH yang dilaksanakan sepenuhnya oleh KPDN melalui 3 kaedah utama iaitu secara dalam premis peruncitan, di luar premis atau *outdoor* dan secara bergerak di kesemua 222 kawasan Parlimen dan 640 DUN dan zon bagi kawasan di bawah Wilayah Persekutuan.

NO SOALAN : 15

Usaha yang dilakukan oleh KPDN ini merupakan salah satu usaha proaktif yang dilaksanakan oleh KPDN dalam merancang serta melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menyokong pelan Kerajaan dalam membantu rakyat dan secara langsung dapat meningkatkan jualan sektor peruncitan.

Saya menyeru kepada semua pihak agar sama-sama menyokong usaha Kerajaan ini dengan menyertai dan menjalin kerjasama dengan KPDN untuk memperluaskan semua inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh KPDN ini agar ia dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia. Pada masa yang sama dapat membantu meringankan beban kos sara hidup serta merancakkan ekonomi negara dengan menggalakkan rakyat berbelanja. Juga sudah tentunya sebagai seorang pengguna di negara ini, kita perlu pastikan bahawa setiap perbelanjaan mampu memberi lebih nilai untuk wang (*value for money*), berpatutan dan berkualiti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WAN AHMAD FAYSHAL BIN WAN
AHMAD KAMAL [MACHANG]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN AHMAD KAMAL [MACHANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan perancangan Kementerian untuk menaik taraf akses dan kapasiti capaian jalur lebar bagi Daerah Machang. Untuk makluman YB Menteri, Daerah Machang adalah pusat ilmu yang mempunyai cawangan UiTM, Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan sekolah-sekolah agama rakyat. Mereka memerlukan capaian internet yang baik untuk pendidikan yang sempurna. Begitu juga kawasan seperti di Bukit Tiu dan beberapa kawasan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memahami keperluan kesalinghubungan internet untuk semua rakyat dan ini telah mendorong Kerajaan untuk membuat penaiktarafan pelan jalur lebar di seluruh negara termasuklah di kawasan luar bandar dan pedalaman yang sedang diperluaskan secara berperingkat.

Melalui inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) setakat suku kedua tahun 2023 di Parlimen Machang, sebanyak sembilan daripada 12 buah menara komunikasi baharu yang diperuntukkan telah siap dan beroperasi dan kesemua 96 buah stesen pemancar yang dirancang telah siap dinaik taraf sepenuhnya. Sebanyak 3,250 daripada 5,389 premis turut telah siap tersedia dengan sambungan gentian optik. Baki bagi setiap perancangan yang dinyatakan dijangka siap dan beroperasi pada penghujung tahun 2025.

Kerajaan juga turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik. Sehingga 31 Oktober 2023, sebanyak 37 daripada 167 PoP berjaya disiapkan di Kelantan dan menjadikan 4,048 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 7 PoP bagi Fasa 1 telah siap dibina dan 12 PoP bagi Fasa 2 dalam proses pelaksanaan di Parlimen Machang.

Berkaitan dengan lokasi telekomunikasi yang bermasalah di Bukit Tiu dan kawasan yang seumpama, pihak SKMM akan berhubung secara terus dengan pejabat Ahli Yang Berhormat supaya maklumat yang lebih terperinci dapat dikenal pasti dan tindakan selanjutnya dapat diambil. Orang ramai juga boleh membuat aduan secara terus kepada SKMM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan menjelaskan sasaran pingat Sukan Asia 2023 dan pecahan sasaran pingat untuk setiap sukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sukan Asia ke-19, 2022 telah berlangsung di Hangzhou, China pada 23 September hingga 8 Oktober 2023. Kontinjen Malaysia pada temasya berkenaan telah disertai oleh 288 atlet dalam 22 daripada 40 jenis sukan melibatkan 143 daripada 481 acara keseluruhan.

Penetapan sasaran pingat dalam sesuatu temasya sukan dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara secara bersama-sama dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk Majlis Olimpik Malaysia, persatuan sukan kebangsaan dan Institut Sukan Negara.

Kementerian ini melalui Majlis Sukan Negara pada 22 Ogos 2023 telah melaksanakan bengkel khusus bagi membincangkan sasaran pingat ke Sukan Asia ke-19 ini yang turut disertai Chef de Mission serta semua pihak berkepentingan berkenaan. Bengkel ini telah membincangkan sasaran terperinci setiap pasukan mengambil kira prestasi semasa,

SOALAN NO : 17

pencapaian terbaik dan perbandingan dengan pencapaian atlet negara lain.

Bengkel berkenaan kemudiannya menyenaraikan atlet dalam sukan Akuatik-Terjun, Badminton, Berbasikal-Trek, Ekuestrian, Hoki Padang, Karate, Memanah, Olahraga, Pelayaran, Sepak Takraw, Skuasy, Wushu dan E-sukan sebagai prospek untuk memenangi pingat buat negara dengan sasaran 27 pingat keseluruhan.

Keputusan untuk mengumumkan sasaran pingat keseluruhan dibuat selepas mengambil kira pandangan semua pihak yang merasakan tumpuan terhadap sasaran pingat emas sahaja akan memberi tekanan tinggi kepada atlet dan boleh menjejaskan tumpuan mereka untuk mempamerkan prestasi terbaik.

Pada masa sama pakar dari Nippon Sports Science University (NSSU) turut menasihatkan untuk negara tidak mengumumkan sasaran pingat emas seperti amalan negara lain yang mencatatkan prestasi sukan membanggakan termasuk Jepun, Republik Korea dan Iran. Seperti yang ditetapkan, atlet negara di Sukan Asia 2022 berjaya mencapai sasaran ditetapkan dengan membawa pulang 28 pingat secara keseluruhan iaitu lima emas, enam perak dan 17 gangsa.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan seterusnya bagi mengatasi masalah struktur bangunan Masjid Jamek Al-Istiqlal, Taman Mewah yang semakin tidak selamat untuk digunakan sebagai tempat beribadat orang Islam. Adakah mahu menunggu kemalangan jiwa barulah tindakan daripada Kerajaan diambil.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Hal ehwal agama Islam adalah di bawah bidang kuasa Negeri seperti yang termaktub di dalam Jadual Kesembilan, Senarai Kedua – Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, adalah wajar perkara ini dirujuk terlebih dahulu kepada Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri bagi mendapatkan halatuju pembaikan masjid berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI
[PEKAN]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah bentuk pemantauan yang dilaksanakan Kerajaan terhadap pengoperasian restoran atau kedai makan yang menipu penggunaan logo halal bagi mengelirukan pelanggan dan menggunakan bahan terlarang atau haram dalam masakan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sentiasa memberi perhatian serius berhubung isu-isu penyalahgunaan penggunaan logo halal palsu dan penggunaan bahan terlarang atau haram dalam masakan serta diperihalkan halal yang mana ianya menjadi suatu kesalahan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

Bagi menangani isu-isu penyalahgunaan penggunaan logo halal palsu dan penggunaan bahan terlarang atau haram dalam masakan yang diperihalkan halal ini, Kementerian telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- a) Menjalankan pemeriksaan halal secara berkala di restoran, kedai makan dan hotel di samping memberi khidmat nasihat mengenai perundangan;
- b) Mengadakan operasi khas berkaitan halal secara bersepadu dengan agensi-agensi Kerajaan di seluruh negara.
- c) Berkerjasama dengan JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri bagi memperkemaskan penguatkuasaan berkaitan takrif dan perakuan serta penandaan halal;
- d) Membuat hebahan umum mengenai pematuhan perundangan halal melalui media sosial rasmi Kementerian dan menerbitkan kenyataan media.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 02 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha Kementerian bersama dengan Pengurusan FELDA dan Peneroka untuk mencapai sasaran sekurang- kurangnya 8 tan hasil bagi tempoh satu bulan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara asasnya, pengeluaran hasil sawit bergantung kepada faktor-faktor pemilihan lokasi penanaman (iklim, tanah dan topografi), jenis anak benih tanaman yang digunakan, pengurusan buruh dan umur pokok sawit.
2. Jawatankuasa Pengurusan Ladang Lestari (JPLL) yang ditubuhkan di setiap rancangan FELDA dan dianggotai oleh pengurusan FELDA dan Pimpinan Peneroka berperanan untuk memantau dan membincangkan usaha-usaha peningkatan hasil.
3. Terdapat 4 kawasan FELDA di dalam Parlimen Hulu Selangor iaitu Gedangsa, Soeharto, Sg Tenggi dan Sg Tenggi Selatan di mana kawasan berpotensi dan mampu mengeluarkan 8 tan sebulan adalah di Felda Sg Tenggi Selatan manakala di rancangan lain potensi bercampur-campur mengikut peringkat pembangunan tanam semula dan keadaan bentuk muka bumi dan kesuburan tanah.
4. FELDA sentiasa memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti ladang kepada hasil maksimum melalui amalan pertanian baik dengan kos dikawal pada tahap minimum, penggunaan benih berkualiti tinggi serta aplikasi mekanisasi perladangan dan teknologi terkini.
5. Pada masa yang sama, FELDA sentiasa melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan hasil di keempat-empat rancangan ini, antaranya:
 - (i) Meningkatkan amalan pemuliharaan kelembapan bagi tumbesaran pokok sawit yang lebih baik dengan membuat

NO SOALAN : 20

sungkupan tandan kosong di kawasan-kawasan yang mempunyai potensi hasil rendah;

- (ii) Memperbanyakkan pembiakan paku-pakis berfaedah bagi memerangkap kelembapan;
- (iii) Membina lubang lembap (silt pit) di kawasan-kawasan teres untuk membentuk takungan air;
- (iv) Membina saluran lencongan air bagi mengurangkan kelajuan air dan membolehkan disalurkan ke ladang;
- (v) Menyusun pelepah dalam bentuk susunan 101 bagi meningkatkan kelembapan tanah sekali gus menjadi sumber nutrien tambahan untuk tumbesaran pokok;
- (vi) Memperbanyakkan penanaman tumbuhan berfaedah seperti tunera sp. dan antigonon bagi menarik agen pendebungaan; dan
- (vii) Memperbanyakkan sarang burung hantu bagi mengawal pembiakan haiwan perosak (tikus) secara biologi dan mesra alam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha yang diambil Kementerian untuk menangani isu kesukaran pemilikan rumah oleh pembeli dan rumah siap yang masih belum terjual ekoran laporan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) menjelaskan lebih 27 ribu unit kediaman yang siap dibina tetapi tidak terjual bernilai RM18.41 bilion pada suku tahun keempat 2022 di mana unit kediaman tertinggi yang tidak terjual adalah kediaman melebihi RM300 ribu dengan jumlah lebih 17 ribu unit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI sentiasa komited membela nasib rakyat dan telah menyediakan inisiatif di bawah aspek pembiayaan bagi menggalakkan pemilikan rumah di seluruh negara.

SOALAN NO : 21

Melalui inisiatif i-Biaya di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP), Kerajaan memberi jaminan had pembiayaan sehingga RM500,000. Ini termasuk jumlah pembiayaan pokok, Jaminan Tempoh Pengurangan Gadai Janji (*Mortgage Reducing Term Assurance*, MRTA) atau Takaful Gadai Janji (*Mortgage Reducing Term Takaful*, MRTT), yuran guaman dan yuran penilaian. Pembiayaan adalah terhad kepada rumah pertama. Walau bagaimanapun, pembiayaan ini tidak terhad untuk kediaman baharu sahaja, tetapi termasuk juga rumah sedia ada atau rumah lelongan.

Berdasarkan pengumuman Ekonomi MADANI baru-baru ini, jumlah keseluruhan jaminan yang telah diberi oleh Kerajaan telah meningkat kepada RM10 bilion sepanjang tempoh pelaksanaan SJKP ini. Di sepanjang pelaksanaan SJKP mulai 2008 sehingga 30 September 2023, sebanyak 30,841 permohonan pinjaman bernilai RM5.85 bilion telah diluluskan. Seterusnya, Kerajaan melalui Belanjawan 2024: Reformasi Ekonomi Memperkasa Rakyat telah mencadangkan untuk menambah lagi RM10 bilion jumlah jaminan bagi memanfaatkan 40,000 peminjam.

Selain itu, Inisiatif Pemilikan Kediaman Malaysia (i-Miliki) dilaksanakan bagi memberikan pengecualian atau peremitan duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi harga rumah sehingga RM1 juta untuk pembeli rumah pertama bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan dari 1 Jun 2022 hingga 31 Disember 2023.

Kerajaan juga menggalakkan pemaju untuk melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan atau *Feasibility Study* sebelum sesuatu pemajuan dilaksanakan bagi memastikan rumah yang dibina adalah berdasarkan kemampuan rakyat seterusnya mengelakkan rumah tersebut tidak terjual. KPKT akan terus giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan rakyat mendapat akses terhadap perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN
BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah tegas yang telah diambil oleh Kerajaan khususnya dalam menangani isu kos sara hidup dan inflasi secara menyeluruh.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Tahap kenaikan harga barang dicerminkan melalui kadar inflasi negara. Kadar inflasi negara diukur melalui Indeks Harga Pengguna (IHP). IHP mengukur purata perubahan harga sesuatu barangan dan perkhidmatan dalam satu tempoh masa tertentu. Pada 22 September 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melaporkan kadar inflasi terkini iaitu 2.0 peratus bagi bulan Ogos 2023, berkadaran sama seperti pada bulan Julai 2023.

Kadar inflasi dilihat semakin mereda menggambarkan kadar peningkatan harga barang dan perkhidmatan yang lebih perlahan. Ianya juga dapat dilihat melalui mata indeks IHP pada Ogos 2023 yang meningkat kepada 130.8, berbanding 128.2 yang direkodkan pada Ogos 2022. Walaupun masih terdapat kenaikan harga, usaha Kerajaan telah berjaya mengekang kenaikan harga yang melampau.

Di samping itu, adalah menjadi komitmen berterusan Kerajaan untuk menangani isu kos sara hidup. Langkah-langkah semasa yang dilaksanakan oleh Kerajaan ialah:

(a) INISIATIF PAYUNG RAHMAH:

(i) **Menu RAHMAH:** Pelaksanaan inisiatif ini secara tidak langsung telah membantu dalam meredakan inflasi bagi kumpulan Makanan di luar rumah daripada terus meningkat lebih tinggi. Sehingga **31 Ogos 2023**, sebanyak **2,849 restoran dan kedai makan** secara sukarela telah sama-sama berganding bahu dalam *Private Driven Initiative* ini menawarkan Menu Rahmah yang merupakan hidangan makanan seimbang mengandungi protein, serat sayur-sayuran dan karbohidrat yang dijual pada harga RM5.00 ke bawah.

(1) **Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)** telah menawarkan **Menu Rahmah Siswa** di semua IPTA pada harga RM3.50 setiap hidangan:

(2) Sebanyak **28 R&R dan 11 Laybys** turut menawarkan menu Rahmah di hampir semua lebuhraya termasuk lebuhraya LPT.

(ii) **Bakul RAHMAH:** Setakat **31 Ogos 2023**, sebanyak **91,682** Bakul RAHMAH diedarkan ke seluruh negara (CSR mengikut korporat).

(iii) **Jualan RAHMAH:** 33 pasar raya besar, kedai berangkai dan pengeluar mengambil bahagian dan telah dilaksanakan di 1,945 lokasi kawasan penempatan atau kawasan tumpuan B40.

Jualan Rahmah juga turut menawarkan Beras Putih Import (BPI) dengan harga yang lebih rendah. Harga yang ditawarkan tidak melebihi RM15.00 bagi 5 kilogram dan tidak melebihi RM30.00 bagi 10 kilogram. Sejumlah RM34 juta diperuntukkan bagi menawarkan 2.88 juta kampil beras sehingga Disember 2023.

Ini adalah sebahagian daripada intervensi tambahan untuk meningkatkan bekalan BPI seperti yang diumumkan oleh Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada 2 Oktober 2023. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan bertindak sebagai agensi pengedar Beras Putih Tempatan (BPT) terutama bagi kawasan pinggir bandar dan luar bandar.

Harga BPI di Sabah dan Sarawak juga akan ditanggung oleh Kerajaan mulai 5 Oktober 2023 bagi membolehkan BPI diperolehi dengan harga runcit RM31 bagi setiap 10kg.

(iv) **Pakej RAHMAH:** Berkembang secara sendiri dan tidak bergantung semata-mata kepada pelaksanaan Jualan RAHMAH (Hotel RAHMAH, Auto RAHMAH, Insuran dan Takaful RAHMAH dan sebagainya). Pakej 5G RAHMAH turut dilaksanakan dengan tawaran telefon pintar 5G dan pelan data kepada seluruh rakyat Malaysia berkuat kuasa 31 Ogos 2023 di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Digital.

(v) **Simen RAHMAH** melalui kerjasama Persatuan Simen dan Konkrit Malaysia (C&CA) yang menawarkan satu juta tan metrik simen pukal dengan penurunan harga RM120 setan metrik kepada RM290 untuk pemaju rumah mampu milik swasta di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

(KPKT) dalam usaha menurunkan harga jualan rumah. Memberi manfaat kepada isi rumah berpendapatan rendah untuk memiliki rumah di bawah RM300,000.

Inisiatif Payung RAHMAH terus berkembang mengikut keperluan semasa antaranya:

(i) **Bazar Ramadan RAHMAH:** Semasa Bulan Ramadan, Bazar Ramadhan RAHMAH telah diadakan di seluruh negara di mana 30% dari gerai di Bazar Ramadan menawarkan Menu RAHMAH dengan hidangan berbuka puasa yang dijual pada harga RM5.00 ke bawah. Inisiatif ini juga telah dapat meringankan beban rakyat sekali gus meningkatkan kuasa beli pengguna.

(ii) **Kad Insentif Menu RAHMAH:** Pengenalan Kad Insentif Menu RAHMAH yang dilaksanakan melalui kerjasama beberapa pasaraya utama.

(iii) **Jualan RAHMAH Bergerak:** Dilaksanakan melalui kerjasama beberapa pemain utama seperti MyGrocer dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

(b) HARGA KAWALAN BARANG BERSUBSIDI DAN TIDAK BERSUBSIDI

(i) Kerajaan turut melaksanakan harga maksimum beberapa barangan keperluan utama seperti RON95, Diesel Bersubsidi, LPG kegunaan domestik, gula pasir putih, tepung gandum kegunaan am, minyak masak bersubsidi polibeg 1kg, minyak kemasan botol dan beberapa lagi barang keperluan lain. Harga RON97 telah stabil sejak Kerajaan Perpaduan mengambil alih walaupun harga itu ditentukan berdasarkan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM) pada setiap minggu.

(c) HARGA KAWALAN MAKSIMUM AYAM DAN TELUR GRED A,B,C

(i) Kementerian meneruskan Penentuan Harga Maksimum bagi Ayam dan Telur Ayam dengan menetapkan harga maksimum Ayam Standard pada RM9.40/ sekilo dan Telur Ayam Gred A, B dan C yang telah berjalan sejak setahun yang lalu bagi memberikan kestabilan harga kepada kedua-dua komoditi penyumbang sumber protein utama penduduk Negara ini.

(d) HARGA KAWALAN SILING BERGERAK MINYAK MASAK BOTOL

(i) Penetapan harga siling bagi minyak masak sawit kemasan botol juga diteruskan. Ini bagi menstabilkan permintaan dan harga minyak masak sawit kemasan botol 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg;

(e) PROGRAM PENYERAGAMAN HARGA (PPH)

(i) Program ini memastikan tujuh (7) barangan keperluan asas (beras putih, gula, minyak masak 1kg, tepung gandum, LPG, petrol RON95 & diesel) sampai kepada rakyat di kawasan pedalaman Semenanjung, Sabah, dan Sarawak dengan harga terkawal yang sama sebagai kawasan bandar. Melalui program ini, Kerajaan

memberi subsidi kepada syarikat pengangkutan supaya semua orang dapat menikmati pembelian barangan ini pada harga yang sama.

(f) PROGRAM PEMBANGUNAN FRANCAIS MIKRO DAN FRANCAIS MAMPU MILIK

(i) Program ini merupakan satu program utama dalam usaha menarik penglibatan lebih ramai rakyat, khususnya golongan B40 dan M40 untuk menceburi bidang perniagaan francais.

Berdasarkan statistik rasmi mengenai IHP dan program yang telah dijalankan adalah jelas bahawa Kerajaan telah melaksanakan usaha untuk mengawal kenaikan harga barangan yang berkesan. Dari semasa ke semasa Kerajaan akan mengumumkan dan menghebahkan program bantuan tambahan bagi membantu golongan terkesan dengan peningkatan kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR
BIN RADIN (KINABATANGAN)**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

YB DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perancangan pihak Kementerian untuk melibatkan lebih ramai golongan belia dalam usaha menjayakan dasar sains, teknologi dan inovasi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Melalui Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 dan Rangka Kerja 10-10 MySTIE, MOSTI berhasrat mengukuhkan ekosistem STI melalui pemerkasakan pembangunan dan penggunaan teknologi serta inovasi tempatan. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, penglibatan golongan belia adalah penting di dalam menyumbang pemikiran kreatif, kemahiran penciptaan dan keusahawanan yang mampu meningkatkan pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan masyarakat dan kualiti hidup.
2. Selari dengan usaha "Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi dan Mengarusperdanakan Inovasi", Kementerian ini melalui agensi di bawahnya seperti Pusat Sains Negara, Planetarium Negara, MRANTI, Akademi Sains Malaysia dan Yayasan Inovasi Malaysia giat menjalankan pelbagai aktiviti dan program bersifat pendidikan bukan formal bertujuan untuk menggalakkan penglibatan golongan belia dalam bidang sains, teknologi dan inovasi.
3. Suka saya sebutkan beberapa program MOSTI yang melibatkan golongan belia. Antaranya adalah Minggu Sains Negara, Malaysia Techlympics, Cabaran Sains Kebangsaan (*National Science Challenge*), Cabaran Dron (*Drone Challenge*), Cabaran Rekacipta Kebangsaan (*National Tinkering Challenge*), Pertandingan Robot Tempur, Kejohanan Roket Kebangsaan, Cabaran Jet Kawalan Jauh Kebangsaan, Cabaran Angkasa Kebangsaan (*National Space Challenge*) dan Ruang Daya Cipta.
4. Bermula pada tahun 2018, MOSTI menganjurkan Minggu Sains Negara secara tahunan bertujuan mewujudkan kesedaran, menanamkan minat dan membudayakan sains, teknologi dan inovasi terhadap semua lapisan masyarakat khususnya golongan belia dalam kehidupan seharian. Penganjuran Minggu Sains Negara dilaksanakan dengan kolaborasi

SOALAN NO : 23

Kerajaan Negeri, Institusi Pengajian Tinggi, Badan Bukan Kerajaan dan pemain industri di setiap negeri menerusi pengisian program dan aktiviti secara fizikal dan secara maya.

5. Malaysia Techlympics pula adalah inisiatif terkini MOSTI yang dirangka bagi merangsang minat belia terhadap bidang STEM secara pembelajaran tidak formal berkonsepkan pertandingan. Program ini juga sebagai langkah siap siaga golongan belia untuk memainkan peranan sebagai pelengkap kepada agenda Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik Negara dan seterusnya memacu Revolusi Industri Keempat.

6. Selain itu, Yayasan Inovasi Malaysia turut menyelaraskan dan mengawal selia Ruang Daya Cipta (*Maker Space*) yang telah dibina di 13 lokasi seluruh negara untuk merancakkan idea-idea inovasi. MOSTI juga turut menyusun program jangkau luar (*outreach*) di seluruh negara bagi mendekati golongan belia di luar bandar dan kawasan pedalaman menerusi program *Science on Wheel* PSN, Kembara Sains Borneo dan Kimia ke Desa.

7. Di samping itu juga, MOSTI turut melaksanakan program pertandingan berbentuk inovasi realiti TV dengan kerjasama Kementerian Ekonomi iaitu program INNOVATHON yang telah selesai bersiaran di Astro bagi musim pertama dan bakal bersiaran bagi musim kedua kelak pada tahun 2024. Program Rancangan Realiti TV Inovasi tersebut bertujuan untuk memberi peluang kepada rakyat mengembangkan idea inovatif dan menyemarakkan budaya inovasi di kalangan masyarakat. Peserta-peserta INNOVATHON terdiri daripada usahawan inovator, penyelidik, pesara, pensyarah dan juga pelajar universiti dan sekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai syarikat yang diberikan secara tender terus bagi projek- projek yang melibatkan agensi-agensi di bawah seliaan Jabatan Perdana Menteri dan berapa nilai siling yang ditetapkan.

JAWAPAN:

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL
SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, secara asasnya semua Perolehan Kerajaan melibatkan bekalan, perkhidmatan dan kerja perlu dilaksanakan secara terbuka. Walau bagaimanapun dalam keadaan tertentu dan merujuk kepada PK2.4 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang tidak dapat dilaksanakan secara sebut harga dan tender, boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan secara rundingan terus, berasaskan kepada kriteria seperti berikut:
 - (i) Kesegeraan atas kepentingan awam
 - (ii) Bagi maksud penyeragaman
 - (iii) Satu punca bekalan / perkhidmatan (Pembuat/Pemegang Francais)
 - (iv) Melibatkan keselamatan/strategik
 - (v) Kontrak dengan syarikat pembuat bumiputera
2. Semua permohonan pelaksanaan Rundingan Terus perlu mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 02 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menyemak semula persempadanan bahagian pilihan raya berdasarkan Peruntukan Perlembagaan Persekutuan 113(2) selepas kali terakhir dipinda pada tahun 2016 memandangkan jumlah pemilih pada PRU15 juga telah bertambah sebanyak lebih 6 juta pengundi selepas pewartaan Seksyen 3(a) dan (b) Akta Perlembagaan (Pindaan) 2019 yang membenarkan Undi18 dan pendaftaran pemilih secara automatik.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Urusan kajian semula persempadanan terhadap bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada, hanya boleh dilaksanakan selepas tamat lat tempoh 8 tahun atau terdapat pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri. Bagi maksud tersebut, lat tempoh 8 tahun bagi kajian semula persempadanan Negeri Sarawak akan berakhir pada tahun 2023, Negeri Sabah pada tahun 2025 manakala Negeri-Negeri Tanah Melayu pula

pada tahun 2026. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjalankan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta menurut bidang kuasa SPR yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan yang dipegang oleh SPR adalah seperti berikut:-

- i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih keluar mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii. Jumlah pemilih yang lebih kurang sama banyak bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesebuah Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- iv. Mengekalkan hubungan masyarakat tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 02 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan dalam melaksanakan janji manifesto Pakatan Harapan berkenaan pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM yang perlu disemak oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang bersifat dwi-partisan dan mekanisme untuk memastikan badan penguatkuasa tersebut bertindak secara bebas dan adil.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, isu mengenai pelantikan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen wujud lama sejak Pilihan Raya Umum Ke-13. Namun, tiada apa-apa tindakan diambil oleh Kerajaan sebelum ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan Perpaduan pada hari ini, melalui SPRM dan agensi berkaitan, sedang mengkaji semula mekanisme pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM. Cadangan penambahbaikan mekanisme pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dijangka akan melibatkan pindaan Perlembagaan Persekutuan (PP) dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].
2. SPRM telah mengadakan beberapa sesi libat urus serta memperoleh pandangan awal daripada pemegang-pemegang taruh seperti Jabatan Ketua Audit Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kewangan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). SPRM juga turut membuat kajian perbandingan kaedah pelantikan ketua agensi pencegahan rasuah di negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).
3. Sesi libat urus ini akan diteruskan dengan Jabatan Peguam Negara bagi meneliti kebolehlaksanaan cadangan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB
[PARIT]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan Persekutuan bersungguh-sungguh untuk melaksanakan peruntukan kawasan sama rata kepada semua ahli Parlimen tanpa mengira parti yang akan disalurkan terus melalui Parlimen Malaysia dan bukannya dari pejabat Perdana Menteri.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen hanyalah sebagai penambah dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Penyediaan dan penyaluran peruntukan ini adalah mengikut dasar sedia ada dan tertakluk kepada kemampuan semasa kewangan Kerajaan.
2. YAB Perdana Menteri semasa sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri pada 7 Mac 2023 telah memaklumkan perlu ada proses perundingan di antara Ketua WHIP dan Menteri berkaitan sebelum sebarang keputusan berkaitan peruntukan kawasan parlimen pembangkang diputuskan.
3. YAB Perdana Menteri sekali lagi telah menegaskan semasa sesi penggulungan perbahasan Kajian Separuh Penggal (Rancangan Malaysia Ke-12) di Dewan Rakyat pada 19 September 2023 bahawa peruntukan kepada Ahli Parlimen pembangkang akan diputuskan selepas selesai proses perundingan di antara Ketua WHIP dan Menteri berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

YB DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana Kementerian berhasrat memasukkan inovasi perumahan China ke dalam sektor perumahan negara dan adakah inovasi tersebut bersesuaian dengan spesifikasi perumahan semasa negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa mengkaji dan meneliti perspektif baharu selain mempelajari amalan terbaik (*best practices*) mengenai sektor perumahan di negara seluruh dunia tidak terhad kepada negara China sahaja. Selain China, antara negara yang turut dikenal pasti bagi jalinan kerjasama adalah Singapura, Korea Selatan dan Arab Saudi. Justeru, berdasarkan kepada pengalaman terdahulu serta faedahnya kepada industri perumahan, KPKT akan meneruskan kesinambungan sesi perkongsian pengalaman dan pengetahuan bagi memastikan polisi dan tindakan yang lebih komprehensif dan praktikal disediakan dalam konteks keperluan perumahan di Malaysia.

Antara inovasi perumahan di negara China yang boleh diterokai adalah penggunaan teknologi dari pelbagai aspek bandar pintar termasuklah infrastruktur, tenaga dan pencahayaan, pengurusan bandar dan teknologi, serta jaringan perhubungan. Adalah diharapkan dengan kerjasama ini, KPKT dapat membangunkan perumahan yang lebih lestari dengan persekitaran yang kondusif untuk golongan yang disasarkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA PARLIMEN
KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN
ABDULLAH [LANGKAWI]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah kerajaan akan :

a) meluluskan elaun sebarang laut bagi penjawat awam yang bekerja di Langkawi dan menyediakan ambulans laut bagi kegunaan penduduk Pulau Tuba.

b) menyelesaikan masalah perkhidmatan feri di Langkawi seperti mana YAB Perdana Menteri berjanji ketika kempen PRN di Langkawi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, penetapan pemberian elaun dalam perkhidmatan awam adalah antaranya berdasarkan kriteria seperti kos sara hidup, tanggungjawab tambahan, penempatan dan kelayakan.
2. Elaun-elaun Seberang Laut hanya diterima oleh penjawat awam yang berkhidmat di luar negara setelah mengambil kira kriteria seperti dinyatakan. Buat masa ini, penjawat awam yang berkhidmat di Pulau Langkawi diberi Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH) pada kadar RM250 untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan RM300 untuk Kumpulan Pelaksana. Manakala pegawai yang berkhidmat di Pulau Tuba turut menerima BISH di samping Bayaran Insentif Mengikut Lokasi Tahap Kesusahan pada kadar RM500.
3. Kerajaan sedang melaksanakan Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam bagi menggantikan Sistem Saraan Malaysia yang sedang dilaksanakan semenjak tahun 2002. Kajian sistem saraan ini merupakan suatu inisiatif pembaharuan dalam perkhidmatan awam seiring dengan aspirasi membangun Malaysia Madani dan menambah nilai kualiti perkhidmatan awam.
4. Cadangan pemberian elaun seberang laut atau elaun yang setara bagi penjawat awam yang bekerja di Langkawi akan diteliti dan diperhalusi dalam Kajian SSPA tersebut.

INPUT KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

1. Pihak Kementerian sedang mengambil tindakan terhadap beberapa masalah berbangkit berkaitan perkhidmatan feri Langkawi. Pihak Kementerian telah berbincang dengan wakil daripada syarikat-syarikat pengusaha perkhidmatan feri di Langkawi dan sedang memperhalusi cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pihak pengusaha. Antara tindakan yang sudah diambil adalah keputusan Kerajaan menaikkan harga tambang feri bagi sektor Langkawi (untuk pelancong sahaja).
2. Harga tambang bagi penduduk tempatan dan daily commuters tidak berubah. Ini bagi membantu mengurangkan kos operasi kepada pengusaha feri yang semakin meningkat dan tidak pernah dipinda sejak tahun 2007 serta dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna. Antara perkara lain yang sedang dalam perhatian adalah berkenaan pengerukan di jeti dan perkhidmatan feri yang lebih cekap. Sesi libat urus bersama pengusaha perkhidmatan feri Langkawi akan dibuat secara berkala untuk menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan secara berperingkat-peringkat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status Projek Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Balah, Jeli, Kelantan yang telah diluluskan oleh Kerajaan sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa peka terhadap keperluan dalam menyediakan perkhidmatan kebombaannya terutamanya melibatkan kawasan-kawasan yang jauh daripada Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) dan di luar capaian *response time*.

Pada masa kini, kawasan Kuala Balah, Jeli, telah mendapat khidmat kebombaannya daripada BBP Dabong dengan jarak 21 kilometer yang mengambil masa lebih kurang 21 minit untuk sampai ke kawasan tersebut. JBPM telah diluluskan Projek Pembinaan BBP Kuala Balah, Jeli dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), *Rolling Plan* Pertama (RP1) Tahun 2021. Walau bagaimanapun, berdasarkan penilaian risiko kebakaran (*fire cover*) yang terkini, keperluan semasa di kawasan Kuala Balah, Jeli adalah pembinaan sebuah pos bomba (*fire post*). Sehubungan itu, Kementerian Ekonomi telah meluluskan untuk meminda skop projek daripada pembinaan sebuah BBP kategori E kepada pembinaan sebuah pos bomba (*fire post*). Status terkini projek adalah dalam proses penyediaan rekabentuk serta sebutharga di peringkat JBPM dan dijangka selesai dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN
[BATU]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk membina perumahan baru bagi membolehkan penggantian unit kepada penduduk yang sedang menduduki rumah berkeluasan 500 kaki persegi kepada unit baru yang berkeluasan sekurang-kurangnya 1000 kaki persegi .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Dasar Perumahan MADANI menerapkan kepentingan perumahan mampan dengan memastikan perumahan mampu milik menyediakan akses kepada perkhidmatan asas yang mencukupi bagi memastikan kehidupan yang terjamin.

Pada tahun 2022, Kerajaan telah bersetuju dengan hala tuju baharu pelaksanaan PPR dengan penetapan saiz keluasan yang baharu iaitu seluas 750 kaki persegi selaras dengan hasrat Kerajaan bagi meningkatkan daya huni penduduk PPR. Selain itu, menerusi projek Perumahan Inklusif MADANI, Kementerian mencadangkan perumahan pelbagai saiz [*multiple gross floor area (GFA)*] bagi memastikan kesesuaian dan keperluan isi rumah pelbagai golongan sasaran dipenuhi. Projek rintis Perumahan Inklusif MADANI akan dibangunkan untuk golongan sasar di bandar utama seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang.

Pada masa yang sama di bawah Belanjawan 2024, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) turut memohon untuk melaksanakan Kajian Pembangunan Semula Program Perumahan Rakyat (PPR) untuk mengenal pasti PPR yang telah usang dan mempunyai potensi untuk dibangunkan semula.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA
[POKOK SENA]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan untuk memastikan pematuhan terhadap syariat Islam yang menyeluruh merentasi bidang Kementerian seperti dalam sektor pembiayaan kewangan atas talian, kod etika pakaian ke agensi Kerajaan dan sebagainya.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI
MOKHTAR, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tuan Yang Di-Pertua, sebagai negara yang menjadikan Islam sebagai agama Persekutuan, kerajaan amat mementingkan kepatuhan syariah dalam semua aspek kehidupan. Kepatuhan syariah ini bukan sahaja dari sudut makan dan minum tetapi juga dari segi muamalat, kewangan, kod etika pakaian dan urusan harian.
2. Seperti yang kita sedia maklum bidang kewangan Islam dan industri halal telahpun mempunyai tatakelola, undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. Tatakelola dan undang-undang yang sedia ada ini

sudah cukup untuk menguruskan bidang-bidang ini dan ini terbukti apabila Malaysia muncul sebagai negara contoh dan rujukan dalam bidang kewangan Islam dan pengurusan halal. Masyarakat muslim di dunia Islam dan antarabangsa juga mempunyai keyakinan terhadap produk-produk halal yang datangnya dari negara ini dan sistem kewangan Islam yang dilaksanakan.

3. Walau bagaimanapun, kerajaan menyedari bahawa usaha-usaha penambahbaikan perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi tujuan meningkatkan penyampaian perkhidmatan, tatakelola dan peraturan di bidang patuh syariah ini. Oleh itu kerajaan mengenalpasti ruang-ruang yang boleh ditambah baik menerusi libat urus dengan pihak yang berkepentingan. Hasil daripada usaha yang dilaksanakan, beberapa garis panduan telah diterbitkan bagi rujukan dan pelaksanaan pelbagai pihak antaranya:

- i. Garis Panduan Pelaksanaan Program Penghayatan Nilai-nilai Islam Dalam Perkhidmatan Awam.
- ii. Garis Panduan Hiburan dalam Islam
- iii. Garis Panduan Program Motivasi Berunsur Islam
- iv. Panduan Pengurusan Akhir Hayat Pesakit
- v. Garis Panduan Perniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (Multi-Level Marketing) Menurut Syariah

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AFNAN HAMIMI
BIN TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian terkini Kerajaan Persekutuan terhadap penglibatan dan hubungan agensi-agensi Persekutuan dengan aktiviti dan mesyuarat yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Kedah dan agensi-agensinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerjasama dan hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri adalah berdasarkan kepada Perlembangaan Persekutuan dan undang-undang semasa.

2. Kerajaan Perpaduan meletakkan kepentingan untuk mengutamakan keperluan dan menyelesaikan isu-isu yang dihadapi rakyat mengatasi perbezaan fahaman politik. Dasar-dasar semasa negara seperti Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) juga melibatkan semua negeri tanpa mengambil kira fahaman politik.

3. Sebagai contoh, KSP RMKe-12 menetapkan bahawa Kerajaan akan memperluaskan penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan, memanfaatkan potensi ekonomi desa dan memperkukuh penyampaian perkhidmatan untuk memastikan kesejahteraan penduduk. Antara projek baharu yang akan dilaksanakan termasuklah Projek Membina Jalan dari Kampung Kuala Sungai Udang ke Pantai Murni di Yan, Kedah. Perkara ini adalah selaras dengan konsep Malaysia MADANI di bawah nilai sejahtera dan ihsan.

4. Dalam hal ini, semua agensi Kerajaan Persekutuan akan terus bekerjasama dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri termasuk Kerajaan Negeri Kedah dalam usaha mengukuhkan ekonomi negara agar semua rakyat Malaysia dapat menikmati kesejahteraan dan kualiti hidup yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN
[BACHOK]**

TARIKH : 02 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan untuk menghalang penyalahgunaan jentera Kerajaan, termasuklah penggunaan premis sekolah, kenderaan rasmi, dan helikopter, dalam tempoh sebelum dan semasa kempen pilihan raya sedang berlangsung, sebagaimana teguran oleh pihak BERSIH.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Isu yang dibangkitkan ini merupakan satu isu yang kerap dibangkitkan terhadap anggota pentadbiran oleh mana-mana Kerajaan. Sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan perundangan yang lain berkaitan, anggota pentadbiran mempunyai tanggungjawab untuk menjalankan tugas yang diamanahkan kepada mereka pada setiap masa termasuk semasa pilihan raya diadakan.
2. Kerajaan juga sentiasa memberi perhatian terhadap semua maklum balas yang diberikan oleh mana-mana pihak bukan sahaja sewaktu musim pilihan raya tetap juga pada sepanjang masa supaya tata kelola dan tanggungjawab pada peringkat kementerian/jabatan dilaksanakan dengan sewajarnya.
3. Semua pihak disarankan untuk membuat laporan kepada mana-mana jabatan/agensi yang berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sekiranya mana-mana pihak didapati melakukan kesalahan sepanjang tempoh sebelum atau selepas pilihan raya. Laporan yang dibuat akan membolehkan tindakan dan siasatan segera diambil oleh jabatan/agensi tersebut. Bagi tujuan ini, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memerlukan kerjasama menyeluruh daripada setiap parti politik, jabatan/agensi, NGO serta pihak-pihak lain yang berkaitan bagi memastikan urusan kempen pilihan raya dapat dilaksanakan secara lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @
HASHIM (KUALA TERENGGANU)**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

YB DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai keupayaan teknologi untuk meneroka tenaga nuklear (R&D) bagi tujuan penjanaan tenaga elektrik sekaligus dapat menggantikan bahan api fosil untuk menjana tenaga elektrik melalui kaedah konvensional.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. MOSTI, menerusi Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), aktif melaksanakan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) teknologi nuklear dalam pelbagai bidang seperti perubatan, pertanian dan makanan, industri dan sebagainya.
2. Keupayaan yang dimiliki Nuklear Malaysia, dari segi kepakaran, kemudahan dan teknologi juga menyokong pelaksanaan program R&D berkaitan penjanaan tenaga. Antara kemudahan dan keupayaan teknologi

SOALAN NO : 35

yang boleh dimanfaatkan dalam R&D untuk meneroka penggunaan tenaga nuklear bagi penjanaan elektrik adalah seperti berikut:

- a. Reaktor penyelidikan nuklear yang berkeupayaan 1 Megawatt termal (MWth) untuk latihan dan penyelidikan serta penghasilan radioisotop bagi tujuan perubatan nuklear;
- b. Teknologi pengurusan, rawatan dan penyimpanan sisa radioaktif aras rendah dan sederhana;
- c. Makmal Dosimetri Standard Sekunder (SSDL) kebangsaan tujuan penilaian dos pendedahan radiasi pekerja serta pemantauan keselamatan di tempat kerja terhadap sinaran mengion;
- d. Teknologi pengujian dan penilaian tanpa musnah (*non-destructive testing*, NDT dan *non-destructive evaluation*, NDE);
- e. Teknologi radiometri industri dan penyurih alam sekitar;
- f. Teknologi pengujian dan pembangunan bahan termaju;
- g. Kemudahan rekabentuk kejuruteraan berkaitan;
- h. Makmal radiokimia dan alam sekitar; dan
- i. Makmal kesihatan dan keselamatan sinaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD
[KEPALA BATAS]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah dasar Tabung Haji dalam mengisi kuota jemaah Haji; Dan
- (b) memandangkan pengkelasan pendapatan isi rumah B40, M40 dan T20 ini amat lemah dari segi tafsiran dan kebolehgunaan dalam urusan ketelusan bantuan subsidi, justeru apakah kaedah Tabung Haji dalam memperincikan hal ini.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah memperkenalkan sistem pendaftaran haji terbuka manakala kaedah pemilihan berdasarkan konsep yang mendaftar dahulu didahulukan sejak tahun 1993. Sehubungan dengan itu semua pendeposit yang mempunyai simpanan minimum RM1,300 dan mendaftar haji akan diperuntukkan tahun untuk menunaikan haji berdasarkan giliran tarikh dan masa pendaftaran haji mereka dibuat.

Ini bermakna, semua pendeposit **TH** yang telah membuat pendaftaran haji, layak dipilih untuk menunaikan fardu haji apabila tiba giliran tahun peruntukkan menunaikan haji mereka berdasarkan yang "mendaftar dahulu akan didahulukan".

- (b) **TH** memperkenalkan Bantuan Kewangan Haji secara bersasar bermula pada musim haji 1443H/2022M. Pada musim haji 1444H/2023M yang lalu, **TH** meneruskan Bantuan Kewangan Haji secara bersasar kepada kumpulan B40 dan M40 untuk memastikan bantuan ini dapat dirasai sepenuhnya oleh golongan yang paling memerlukan.

Kadar Bayaran Haji yang ditetapkan bagi setiap jemaah haji adalah berdasarkan kategori pendapatan individu masing-masing dan bukan berdasarkan pendapatan isi rumah.

Dasar klasifikasi pendapatan isi rumah bagi jemaah haji yang terpilih mengikut kategori B40, M40 dan T20 ini adalah berasaskan kerjasama dengan agensi Kerajaan untuk menyemak silang maklumat Bakal Haji dengan pangkalan data penerima bantuan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian dapat menyalurkan peruntukan bagi menyediakan kemudahan tempat penonton dan bilik persalinan pemain di Kompleks Sukan Kangar memandangkan sambutan anak muda amat hebat ketika Kejohanan Bola Sepak Liga Super Perlis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan akan menaik taraf Kompleks Sukan Kangar di bawah *Rolling Plan* Ketiga (RP3), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Antara skop kerja yang akan dilaksanakan termasuk membina kemudahan tempat duduk penonton dan bilik persalinan pemain. Kementerian ini melalui Jabatan Kerja Raya akan memulakan kerja-kerja naik taraf ini pada bulan Mac 2024 dan ia dijangka siap pada bulan Mac 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI
[KUALA KRAU]**

TARIKH : 02 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah FELDA berhasrat untuk memberi peruntukan tetap sama ada secara bulanan ataupun tahunan khusus kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) KAFA di setiap tanah rancangan FELDA yang rata-rata amat daif, terutamanya di Parlimen Kuala Krau.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Melalui dana RMK-11, FELDA telah diperuntukan bagi Projek Membina dan Menaik Taraf Bangunan di Seluruh FELDA yang meliputi 5 skop utama iaitu Membina Dewan Semai Bakti Jenis A dan B, Membina Kompleks Komuniti, Menaik Taraf Dewan, Menaik Taraf OSC Masjid dan Menaik Taraf dan Membaikpulih Sekolah Agama Rakyat (SAR). Bagi skop Menaik Taraf dan Membaikpulih SAR, FELDA telah melaksanakan 16 projek dengan kos berjumlah RM7 juta yang merangkumi pelbagai wilayah seluruh FELDA.

NO SOALAN : 38

Bil	Negeri	Wilayah	Rancangan	Kos (RM)
1	Johor	Segamat	Palong Timur 3	318,049.00
2	Johor	Johor Bahru	Linggiu	210,348.00
3	Kelantan	Gua Musang	Chiku 01	189,572.00
4	Negeri Sembilan	Raja Alias	Jelai 3	189,267.00
5	Negeri Sembilan	Raja Alias	Palong 9	789,801.00
6	Pahang	Jengka	Jengka 11	376,090.00
7	Pahang	Mempaga	Kechau 1	196,452.00
8	Pahang	Kuantan	Keratong 10	188,335.00
9	Pahang	Jengka	Jengka 19	722,343.00
10	Pahang	Kuantan	Chini 4	462,928.00
11	Pahang	Kuantan	Bkt Kuantan	684,182.00
12	Perak	Trolak	Besout 4	207,281.00
13	Sabah	Sahabat	Umas 2/3	209,653.00
14	Terengganu	Terengganu	Kerteh 5	220,946.00
15	Terengganu	Terengganu	Kerteh 3	973,202.00
16	Terengganu	Terengganu	Neram 2	1,060,633.00
Jumlah				6,999,082.00

2. Untuk makluman Yang Berhormat, tahun 2023 adalah tahun akhir pelaksanaan skop kerja SAR. FELDA akan memberikan fokus untuk menyiapkan semua projek naik taraf SAR yang masih dalam pembinaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL
TLDM (BERSARA) [LUMUT]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL TLDM (BERSARA) [LUMUT] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah terdapat rancangan untuk memberi bantuan kewangan insentif secara *one-off* sebanyak RM500 (2 kali bayaran) kepada penerima-penerima Pingat Jasa Malaysia memandangkan ini adalah satu pengiktirafan negara kepada veteran ATM di atas sifat keperwiraan dan pengorbanan di zaman ancaman pengganas komunis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara dasarnya dan sebagaimana yang telah termaktub dalam Warta Kerajaan: Statut Pingat Jasa Malaysia (PJM), tiada sebarang ketetapan berhubung pemberian elaun kepada penerima-penerima PJM ini.
2. Namun begitu, pihak Kerajaan telah berbesar hati untuk memberikan saguhati ehsan secara *one-off* (sekali sahaja) kepada semua penerima PJM iaitu pada tahun 2020 kepada seramai 121,816 orang Veteran ATM dan pada tahun 2021 kepada seramai 10,840 balu atau duda dengan implikasi kewangan keseluruhan sebanyak RM66 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**
TARIKH : **2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)**

SOALAN

TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana kesediaan Kerajaan supaya Lembaga Pengampunan merujuk terlebih dahulu kepada ahli keluarga mangsa bagi mendapatkan keizinan pengampunan sebelum keputusan ditetapkan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Perkara berkaitan Lembaga Pengampunan adalah termaktub di bawah Perkara 42, Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan Yang di-Pertuan Agong (YDPA), Raja atau Yang di-Pertua Negeri mempunyai kuasa untuk memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum dengan nasihat Lembaga Pengampunan. Di peringkat Persekutuan kuasa YDPA adalah bagi kesemua kes dan kesalahan yang telah dibicarakan oleh mahkamah tentera dan segala kesalahan yang dilakukan di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

2. Dalam konteks Persekutuan, Perkara 42 Klausula 11 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Lembaga Pengampunan adalah terdiri dari seorang Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan, Peguam Negara atau wakilnya serta tidak lebih dari tiga (3) orang lain yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Tuanku yang hendaklah bukan seorang anggota badan perundangan (Legislatif).
3. Keanggotaan Lembaga Pengampunan itu sendiri adalah mekanisme terbaik memastikan ia berfungsi dengan adil dan bebas kerana kedudukan Seri Paduka Baginda Tuanku yang mempengerusikan Lembaga Pengampunan adalah Ketua Negara yang bebas dan berkecuali dari sebarang pengaruh, serta anggota Lembaga Pengampunan yang terdiri dari pelbagai latar belakang dilantik oleh YDPA juga dapat memastikan perjalanannya tidak dipengaruhi atau terpengaruh dengan campur tangan dari mana-mana pihak.
4. Buat masa ini, tiada ada-apa peruntukan undang-undang yang menghendaki Lembaga Pengampunan untuk merujuk ahli keluarga mangsa bagi memperoleh keizinan untuk memberikan pengampunan sebelum keputusan ditetapkan. Walau bagaimanapun, YDPA mempunyai kuasa untuk menitahkan supaya rujukan kepada mangsa atau keluarga mangsa dibuat terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR
[KUANTAN]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status pembinaan Kompleks Belia dan Sukan Negeri Pahang:-

- (a) apakah punca kelewatan projek ini; dan
- (b) garis masa projek ini akan disiapkan dan implikasi kewangan tambahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Kompleks Belia dan Sukan Negeri Pahang bermula pada 29 Mac 2021. Kelewatan pembinaan kompleks ini berpunca daripada Kebenaran Merancang oleh pihak Majlis Bandaraya Kuantan yang tidak dipatuhi dan perlu dikemukakan semula. Selain itu, turut terdapat perubahan pada beberapa struktur yang memerlukan tambahan masa untuk direka bentuk semula memandangkan tapak juga renda (*flood prone area*). Pandemik Covid-19 yang membawa kepada Perintah Kawalan Pergerakan dan kekurangan tenaga kerja turut menjadi faktor kepada kelewatan projek ini.

Namun begitu, pada masa ini kerja-kerja pembinaan sedang dalam pelaksanaan dan projek ini dijangka siap pada 20 Januari 2024 dengan tiada implikasi kewangan tambahan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam memastikan tatakelola yang progresif untuk anak syarikat Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) supaya tidak mengalami kerugian seperti tahun-tahun terdahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Bagi menjamin tatakelola yang baik, pihak Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) telah melantik wakil dari Pengurusan Atasan sebagai Pengarah Nomini dalam anak syarikat yang mana LTAT mempunyai pegangan yang signifikan untuk memantau prestasi dan memastikan amalan tatakelola yang terbaik oleh syarikat-syarikat tersebut. Pengarah Nomini ini adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pengarah Nomini bagi memastikan penyeliaan yang menyeluruh dan berkesan. LTAT juga komited untuk mematuhi Prinsip Tadbir Urus Baik (*Principles of Good Governance*) yang menjadi panduan asas bagi semua Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC).

2. Bagi anak-anak syarikat yang tersenarai, ianya juga tertakluk kepada keperluan untuk mematuhi piawaian yang ditetapkan dalam Kehendak-kehendak Penyenaraian Pasaran Utama (*Main Market Listing Requirements*) yang digariskan oleh Bursa Malaysia. Di samping itu, LTAT sedang melaksanakan pelan penstrukturan semula Kumpulan Boustead dimana penekanan akan diberikan kepada urus tadbir dan tatakelola yang baik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 2 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah projek perumahan terbengkalai di seluruh negara dan perancangan Kerajaan untuk memulihkan projek perumahan sakit yang telah menjejaskan peluang rakyat untuk mendapatkan rumah mampu milik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Ogos 2023 terdapat sebanyak 112 projek terbengkalai yang merangkumi 38 projek sedang dipulihkan, 51 projek masih dalam peringkat perancangan untuk disiapkan/diselesaikan dan 23 projek statik.

Kerajaan Perpaduan sangat komited dalam mengatasi projek perumahan swasta yang bermasalah sama ada dalam kategori lewat, sakit mahupun terbengkalai. Pada ketika ini, pelbagai langkah kawalan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menyelesaikan isu ini.

Penubuhan *Task Force* Projek Perumahan Swasta Sakit & Terbengkalai oleh KPKT untuk mencari pendekatan yang lebih berfokus dan strategik serta memberi impak positif dalam menyelesaikan isu projek sakit dan terbengkalai. Melalui *Task Force* ini, empat (4) elemen utama yang sangat ditekankan sebagai terma rujukan (*Term of Reference, TOR*) iaitu pengenalpastian (*tracking*), penyelesaian (*resolve*), pencegahan (*preventive*) dan cadangan model ke hadapan (*forward modelling*). *Task Force* yang diwujudkan juga akan membuat *facts finding* dan *due diligence* untuk mengenal pasti cara terbaik menyelesaikan masalah kronik projek perumahan

Kementerian juga berusaha untuk mengenal pasti dan menyelesaikan isu projek perumahan sakit dan terbengkalai ini secara holistik dengan melibatkan lebih banyak pihak dalam industri untuk mendapatkan pandangan dan idea dari perspektif yang lebih meluas melalui program-program yang dirancang seperti:

- i) mengadakan program kerjasama pintar (*smart partnership*) bersama Kerajaan Negeri, Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi kerajaan, agensi teknikal, dan pemaju bagi mengenal pasti permasalahan

SOALAN NO : 43

dan mencari jalan penyelesaian bersama bagi menangani isu projek sakit dan terbengkalai di pelbagai peringkat;

- ii) mengadakan Forum Perumahan Swasta dengan kumpulan kerja yang terdiri daripada pemegang taruh (*stakeholder*) dan pemain industri, antaranya *Real Estate and Housing Developers' Association Malaysia* (REHDA), Persatuan Bank Malaysia, Persatuan Pembeli Rumah, Jabatan Peguam Negara, pelikuidasi, dan lain-lain agensi kerajaan dan teknikal;
- iii) mengadakan taklimat berjadual kepada pemaju di seluruh Semenanjung Malaysia berkaitan tanggungjawab dan kewajipan pemaju perumahan berlesen berdasarkan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118];
- iv) menggalakkan penggunaan teknologi baru dalam pembinaan seperti *Industrialised Building System* (IBS) dan bahan binaan alternatif untuk mempercepatkan penyiapan projek perumahan dengan kos yang lebih murah tanpa menjejaskan kualiti pembinaan;
- v) bertindak sebagai mediator dan memantau projek-projek terbengkalai serta bekerjasama dengan pihak pemaju asal, pihak pelikuidasi, pengurus dan penerima (R&M);
- vi) menambah baik *Housing Integrated Management System* (HIMS) agar dapat meningkatkan keberkesanan pemantauan terhadap pemaju. Tindakan ini akan dilaksanakan melalui integrasi dengan industri perbankan serta sistem pemaju untuk melicinkan pelaporan pemajuan, perkongsian data dan pengemaskinian supaya maklumat projek dapat diurus secara *near real-time*.

Sekian, terima kasih.